



**JOURNAL OF TOURISM,
HOSPITALITY AND
ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTHEM)**
www.jthem.com



**ANCAMAN DAN KESEDARAN PELANCONG WANITA
TERHADAP ASPEK KESELAMATAN SEMASA PERCUTIAN DI
KOTA KINABALU**

*AWARENESS OF FEMALE TOURISTS ON ASPECTS OF SAFETY AND
SECURITY THREATS WHILE ON VACATION IN KOTA KINABALU*

Jabil Mapjabil^{1*}, Nurbaiti Mohd Hamiza², Rosmiza M.Z.³, Mazdi Marzuki⁴, Mohamad Pirdaus Yusoh⁵, Jeannet Stephen⁶, Datu Razali Datu Eranza⁷, Nor-Ina Kanyo⁸, Christina Andin⁹, Noorziah Mohd Salleh¹⁰

¹ Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah
Email: jabil@ums.edu.my

² Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
Email: nurbaiti@gmail.com

³ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: miza@ukm.edu.my

⁴ Jabatan Geografi & Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: mazdi@fsk.upsi.edu.my

⁵ Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu
Email: m.pirdaus@umt.edu.my

⁶ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: jeannets@ums.edu.my

⁷ Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah
Email: drde@ums.edu.my

⁸ Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah
Email: norina@ums.edu.my

⁹ Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah
Email: christina@ums.edu.my

¹⁰ Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Kampus Sabah
Email: noorziah@sabah.uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Received date: 23.08.2021

Revised date: 15.09.2021

Accepted date: 25.09.2021

Published date: 30.09.2021

To cite this document:

Mapjabil, J., Hamiza, N. M., Rosmiza, M. Z., Marzuki, M., Yusoh, M. P., Stephen, J., Datu Eranza, D. R., Kanyo, N., Andin, C., & Salleh, N. M. (2021). Ancaman Dan Kesedaran Pelancong Wanita Terhadap Aspek Keselamatan Semasa Percutian Di Kota Kinabalu. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6 (24), 54-70.

DOI: 10.35631/JTJHEM.624006.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Isu mengenai jaminan dan keselamatan pelancong bukan merupakan perkara yang baharu, tetapi kajian mengenai ancaman dan kesedaran pelancong wanita terhadap keselamatan mereka masih kurang dan terhad. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk (i) mengenal pasti jenis dan faktor ancaman keselamatan yang menjadi kebimbangan pelancong wanita semasa melancong di sesebuah bandar dan (ii) meneliti kesedaran mereka terhadap aspek keselamatan ketika melancong di bandar berkenaan. Dalam konteks kajian ini, lokasi yang dipilih adalah bandaraya Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pengedaran borang soal selidik. Untuk itu, seramai 93 orang responden dipilih secara rawak dari kalangan pelancong wanita yang berkunjung ke bandaraya ini. Dapatan kajian menunjukkan jenis ancaman keselamatan diragut atau dirompak mencatatkan peratusan kebimbangan yang paling tinggi, diikuti dengan ancaman diculik dan dirogol. Seterusnya, terdapat dua faktor utama yang menjadi ancaman kepada pelancong wanita ketika melancong di bandar, iaitu faktor lokasi dan kesesakan kawasan pelancongan. Untuk situasi keselamatan ketika melancong, skor min 'sangat tinggi' adalah apabila wujudnya kehadiran pegawai keselamatan atau polis yang bertugas di kawasan pelancongan. Manakala, situasi yang mencatatkan skor min 'rendah' adalah apabila berjalan di kawasan tumpuan pelancong pada waktu malam. Untuk aspek kesedaran pelancong wanita terhadap aspek keselamatan ketika melancong, dapatan kajian menunjukkan wanita lebih mementingkan keselamatan semasa melancong di tempat baharu. Mereka juga berasa takut apabila didekati oleh peminta sedekah semasa bercuti di Kota Kinabalu. Sebagai rumusannya, dapatan kajian ini adalah penting dan relevan kepada pihak pemegang taruh yang terlibat secara langsung dalam meningkatkan ciri keselamatan di bandar yang akhirnya mampu menambahkan keyakinan pelancong khususnya wanita untuk melancong dengan rasa selamat dan seronok di bandaraya Kota Kinabalu.

Kata kunci:

Ancaman, Kesedaran, Pelancong Wanita, Keselamatan, Percutian

Abstract:

The issue of tourist safety and security is not new, but studies on the awareness of female tourists on aspects of safety and security threats are still lacking and limited. Therefore, this article aims to (i) identify the types and factors of security threats that concern female tourists when traveling in a city and (ii) to examine their awareness of the safety aspects when traveling in the city. In the context of this study, the location chosen is the city of Kota Kinabalu, Sabah. This study uses quantitative approach through distribution of questionnaires. To this end, 93 respondents were selected randomly from those involved in women's tourism in this city. The findings showed respondents were concerned about the threat of being threatened or robbed, followed by the threat of abduction and rape. Subsequently, there were two main factors that posed a threat to female tourists when travelling in the city, namely location factors and congestion of tourist areas. For situations that secure safety when traveling in the city, the mean score of 'very high' is when there is a presence of security officers or police on duty in tourist areas. Meanwhile, the situation that recorded a 'low' mean score was when walking in the tourist hotspot at night. For the aspect of female tourists' awareness of the safety aspects when travelling, the mean score for 'very high' is on the statement 'I am more concerned with safety when travelling in a new place'. They also scared when approached by a beggar while on vacation in Kota

Kinabalu. In summary, the findings of this study are important and relevant to the stakeholders who are directly involved in enhancing the safety features of the city which will ultimately increase the confidence of tourists especially women to travel with a sense of safety while enjoying Kota Kinabalu city.

Keywords:

Security Threats, Awareness, Female Tourists, Safety, Vacation

Pengenalan

Pelancongan adalah antara sektor ekonomi yang berkembang pesat di dunia yang mencatat pertumbuhan jangka panjang untuk ketibaan dan penerimaan pelancong antarabangsa (World Tourism Organization, 2019). Namun, industri pelancongan semakin terdedah dengan pelbagai ancaman dan risiko, contohnya serangan pengganas, bencana alam, krisis ekonomi, wabak penyakit, virus baharu dan sebagainya (Anichiti et al., 2021). Sausmarez (2007) pula menegaskan keselamatan dalam industri pelancongan dipengaruhi oleh faktor luaran yang negatif sama ada oleh tindakan manusia seperti serangan pengganas, kemalangan dan penculikan mahupun disebabkan oleh faktor alam semula jadi seperti taufan, gempa bumi dan tsunami. Hal ini boleh memberi kesan langsung terhadap kehidupan dan kesihatan pelancong (Žuromskaite & Nagaj, 2018; Chauhan & Negi 2018).

Untuk memastikan industri pelancongan terus berkembang dan menjana pendapatan di sesebuah destinasi pelancongan, semua pihak pemegang taruh dalam industri ini perlu lebih memberikan perhatian terhadap aspek jaminan dan keselamatan pelancong (Nagaj & Zuramskaite, 2020). Keselamatan adalah salah satu aspek yang perlu dipantau dan diawasi dalam pelancongan sama ada dari segi keselamatan manusia mahupun keselamatan alam sekitar. Menurut World Tourism Organization (WTO) (1991), risiko yang membahayakan ini adalah disebabkan oleh tindakan manusia dan persekitaran di destinasi pelancongan, antaranya seperti kecurian, penyeluk saku, serangan dan penipuan, keganasan rambang seperti rogol dan gangguan seksual, jenayah terancang seperti 'keldai dadah' serta keganasan dan gangguan yang menyalahi undang-undang.

Keselamatan adalah aspek penting yang diambil kira oleh seseorang pelancong bagi menjamin kepuasan semasa percutian. Sekiranya mengalami ancaman keselamatan, mereka tidak dapat kepuasan semasa melancong dan sentiasa mengalami kebimbangan. Menurut Ahmad Fitri et al. (2015), pelancong akan rasa tidak selamat dan berpotensi untuk menjadi sasaran jenayah, keganasan ataupun kemalangan. Hal ini menunjukkan keselamatan perlu diberikan keutamaan ketika seseorang pelancong melakukan percutian. Pelancong bukan sahaja bimbang dengan perkara yang berkaitan dengan ancaman keselamatan oleh tindakan manusia seperti penculikan dan ragut tetapi mereka turut rasa terancam dengan fenomena bencana alam seperti gempa bumi, tsunami dan banjir.

Rentetan daripada isu keselamatan ini, pelancong merupakan sasaran utama kerana mereka dianggap golongan yang berada. Dalam pada itu, wanita mempunyai potensi yang tinggi

menjadi sasaran penjenayah berbanding lelaki (Rohana et al., 2012). Hal ini disebabkan oleh sifat wanita yang lemah dan senang untuk dijadikan sasaran. Pelbagai isu yang melibatkan keselamatan pelancong wanita, antaranya kes culik, rogol, ragut dan lain-lain. Dalam konteks di Sabah, antaranya ialah kes culik yang melibatkan pelancong dari China di Semporna. Selain itu, bencana alam turut menjadi kebimbangan kepada pelancong untuk datang ke negeri ini. Contohnya, kejadian gempa bumi yang berlaku di Kundasang suatu ketika dahulu (Berita Harian, 2015). Perkara ini mendatangkan kebimbangan kepada pelancong terutamanya pelancong wanita. Aspek keselamatan yang rendah menyebabkan pelancong memilih untuk tidak melancong ke sesebuah destinasi dan secara tidak langsung akan menyebabkan kemerosotan industri pelancongan di kawasan tersebut. Justeru, untuk meneliti lebih lanjut isu berkenaan, artikel ini bertujuan untuk mengkaji jenis dan faktor ancaman keselamatan yang menjadi kebimbangan dan seterusnya kesedaran pelancong wanita terhadap aspek keselamatan semasa bercuti di bandaraya Kota Kinabalu. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut;

- (i) mengenal pasti jenis dan ancaman keselamatan yang menjadi kebimbangan pelancong wanita semasa melancong di sesebuah bandar;
- (ii) meneliti kesedaran pelancong wanita terhadap aspek keselamatan ketika melancong ke bandar berkenaan.

Hasil kajian ini boleh memberikan panduan kepada penyedia perkhidmatan pelancongan agar strategi penambahbaikan aspek keselamatan tertumpu kepada faktor yang menjadi kebimbangan pelancong wanita semasa bercuti di destinasi pelancongan.

Tinjauan Bahan Bacaan

Jaminan Keselamatan dan Ancaman dalam Industri Pelancongan

Menurut WTO (1991), jaminan dan keselamatan (*safety and security*) adalah merujuk kepada perlindungan nyawa, kesihatan, fizikal, psikologi dan ekonomi seseorang pelancong. Michalko (2003) pula mentakrifkan keselamatan dalam pelancongan sebagai keselamatan diri pelancong dan harta benda mereka termasuklah kebolehan untuk mengetahui arah dalam persekitaran asing, memahami tanda sistem tempatan, petunjuk dan konvensyen sosial serta keselamatan perkhidmatan pengguna dan membeli-belah. Maser dan Weiemair (1998) menegaskan jaminan keselamatan ialah rasa dilindungi dan terhindar daripada risiko seperti jenayah, bencana alam, penyakit, pengangkutan atau halangan bahasa dan ketidaktentuan destinasi dan peraturan. Pearce (1988) berpendapat kebimbangan dengan keselamatan peribadi adalah faktor utama dalam proses membuat keputusan untuk individu membuat pilihan dalam perjalanan mereka. Perkara ini menunjukkan jaminan keselamatan adalah salah satu faktor yang penting dalam menentukan individu merancang dan membuat pilihan dalam sesebuah perjalanan. Aspek keselamatan adalah keadaan bebas daripada bahaya, cara penggunaan dan peralatan yang dapat mengurangkan, mengawal atau mengelakkan kemalangan (Collier, 1994). Menurut Kwon (1999), keselamatan sebagai keadaan yang bebas daripada kemalangan. Justeru, sekiranya terdapat jaminan keselamatan yang tinggi, ini akan menambahkan keyakinan kepada pelancong untuk melancong ke sesebuah destinasi berkenaan.

Kebimbangan keselamatan adalah satu komponen emosi yang merangkumi satu set subjektif yang kompleks dan faktor objektif yang diselesaikan oleh rangsangan saraf dan hormon yang mencetuskan pengalaman efektif dan lebih membimbangkan dalam alam semula jadi

berbanding dengan perasaan (Bigne & Andreu, 2004). Keselamatan turut melibatkan emosi individu apabila mereka merasakan bahawa mereka tidak selamat di dalam apa-apa situasi. Menurut Cho dan Jang (2008), kebimbangan keselamatan adalah pertindihan emosi bimbang dan ketakutan apabila mengalami keadaan yang mencetuskan kebimbangan. Hofstede dan Hofstede (2005) mentakrifkan ketidakpastian sebagai kebimbangan keselamatan kerana sejauh mana individu yang berasa terancam oleh keadaan samar-samar atau tidak diketahui. Lebih-lebih lagi, perasaan yang tidak menentu bukan sahaja bersifat peribadi tetapi berkongsi melalui budaya dipindah dan diperkukuhkan oleh orang sekeliling. Walau bagaimanapun, ketidakpastian adalah perasaan subjektif dan tidak rasional apabila individu mungkin merasa selesa dalam keadaan yang biasa kepada dia tetapi keadaan seperti itu dilihat oleh orang lain sebagai berisiko (Hofstede & Hofstede, 2005).

Menurut Pizam dan Mansfeld (2006), terdapat empat jenis ancaman keselamatan yang membawa kesan buruk terhadap industri pelancongan, iaitu jenayah, keganasan peperangan, kekacauan awam dan ketidakstabilan politik. Manakala ancaman keselamatan dari sudut lain adalah aspek kesihatan, kemalangan, bencana alam dan kejadian lain yang bukan disebabkan oleh tindakan manusia. Hal ini menunjukkan ancaman keselamatan membawa kesan kepada individu dan masyarakat bukan sahaja kepada penduduk tempatan tetapi turut melibatkan individu yang melancong ke kawasan berkenaan. Selain itu, ancaman keselamatan yang berlaku adalah tidak dapat dijangka boleh berlaku kepada sesiapa. Kejadian SARS dan tsunami di Pulau Phuket boleh dianggap sebagai sebahagian daripada insiden kemalangan manakala serangan 9/11 dan pengeboman di Bali adalah ancaman terhadap jaminan keselamatan pelancong (Chiao & Nair, 2013).

Jaminan Keselamatan dan Kaitannya dengan Pelancong Wanita

Pelancong adalah prospek yang boleh menjadi mangsa terhadap kejadian yang melibatkan aspek keselamatan. Kajian Holcomb dan Pizam (2006) memberikan beberapa maklumat penting berkaitan faktor yang menyebabkan pelancong mudah menjadi sasaran penjenayah. Pelancong dikatakan sebagai sasaran utama dalam insiden melibatkan keselamatan kerana mereka dianggap golongan yang *fragile* dan mudah untuk dijadikan sasaran. Sesetengah penduduk beranggapan pelancong adalah orang yang berada. Hal ini menyebabkan pelancong dijadikan sasaran untuk dirompak, tidak mengira status dan gender. Pelancong turut dikatakan sering menjadi mangsa kes jenayah yang berlaku di destinasi pelancongan kerana cara berpakaian yang menunjukkan mereka adalah warga asing. Selain itu, pelancong tidak kira gender biasanya suka untuk membawa barang berharga dan wang tunai yang banyak terutamanya di tempat yang kurang dan tidak menyediakan perkhidmatan kad kredit dan sebagainya. Seterusnya, sesetengah pelancong tidak berhati-hati dengan keadaan sekeliling kerana mereka terlalu taksud dan leka dengan keindahan destinasi yang dilawati. Pelancong dikatakan tidak biasa dengan persekitaran destinasi pelancongan kerana tempat berkenaan adalah baharu dikunjungi. Selain itu, sebilangan pelancong suka melibatkan diri dengan aktiviti berisiko yang boleh mengancam keselamatan mereka tidak kira status dan gender. Akhir sekali, pelancong ada kalanya tidak bersama dengan rakan-rakan atau bersendirian semasa melancong. Hal ini menyebabkan mereka menjadi sasaran dan keselamatan mereka akan terancam kerana hanya bergerak secara individu dan tidak secara berkumpulan.

Sehubungan dengan itu, pelancongan mempunyai peranan penting dalam mencapai komitmen dalam Agenda Pembangunan Lestari 2030 - termasuk komitmen terhadap kesetaraan gender, pemerkasaan wanita dan tidak meninggalkan sesiapa pun terkebelakang (Global Report on

Women in Tourism, 2019). Namun begitu, masalah dan cabaran jaminan dan keselamatan adalah faktor yang paling berpengaruh dalam mencorakkan mobiliti wanita. Di beberapa negara, kekurangan persekitaran bandar yang selamat sangat menyekat mobiliti wanita dan membatasi akses mereka untuk peluang pekerjaan, pendidikan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan (Forum Pelancongan Antarabangsa, 2018). Dalam konteks pelancongan, aspek keselamatan berperanan penting terutama apabila melibatkan pelancong wanita kerana mereka lebih berisiko untuk mengalami gangguan keselamatan berbanding dengan pelancong lelaki. Ketakutan terhadap jenayah boleh mengubah tingkah laku seseorang individu dan mendorong mereka lebih berhati-hati.

Menurut Rohana et al. (2012), wanita lebih dianggap untuk menghadapi risiko keselamatan yang lebih besar semasa melancong. Wanita bersifat lebih cemas, mengambil risiko dan lebih bersedia untuk menyatakan rasa takut berbanding dengan lelaki (Howell et al., 2001). Greenberg dan Ruback (1992) berpendapat wanita lebih bimbang terhadap keselamatan berbanding lelaki kerana kelemahan wanita dan akibat perbezaan risiko seksual dalam melangkaui sifat ketakutan dari ancaman keselamatan. Sesetengah penyelidik berpendapat wanita lebih bimbang dengan risiko sesebuah perjalanan berbanding lelaki (Reisinger & Mavondo, 2006). Menurut Carr (2001) pula, wanita secara khususnya dikatakan lebih prihatin tentang jenayah berbanding kaum lelaki. Justeru, kebanyakan wanita lebih berkeyakinan untuk berteman sekurang-kurangnya berdua bagi menjamin keselamatan mereka daripada ancaman (Ahmad Fitri et al., 2014). Oleh itu, penelitian terhadap aspek keselamatan pelancong wanita semasa melancong wajar diberikan perhatian.

Menurut Lynch dan Atkins (1988), perasaan takut menjejaskan tingkah laku wanita. Dalam kajian mereka, 16% wanita merasakan diri tidak selamat pada hari siang dan 35% wanita berasa tidak selamat pada waktu malam. Wanita akan cuba mengelakkan diri mereka berada dalam apa-apa situasi yang menunjukkan mereka berada dalam keadaan lemah. Menurut Atkins (1989), banyak penyelidikan mengenai isu keselamatan perjalanan mendapati wanita takut untuk keluar selepas gelap ketika melancong di bandar. Kajian yang dilakukan oleh Focas (1989) menunjukkan wanita menghadapi perasaan lebih bimbang selepas gelap semasa perjalanan atas keselamatan diri. Perkara ini menunjukkan masa atau waktu tertentu memberi kesan kepada ancaman keselamatan wanita. Levinson (2002) menegaskan wanita biasanya lebih mudah untuk dijadikan sasaran penjenayah terutamanya peragut semasa berjalan atau menunggu bas. Kejadian jenayah adalah ancaman paling menakutkan wanita (Skogan & Klecka, 1977). Ada dalam kalangan wanita diculik dan dijadikan tebusan semasa mereka mengembara di negara luar (Ahmad Fitri et al., 2014).

Metodologi Kajian

Kajian tentang ancaman dan kesedaran pelancong terhadap aspek keselamatan semasa percutian di sesebuah bandar ini menggunakan reka bentuk tinjauan dan deskriptif. Manakala kaedah yang digunakan adalah kaedah kuantitatif. Kaedah kuantitatif adalah penyelidikan yang melibatkan analisis statistik dan bergantung kepada bukti berangka untuk membuat kesimpulan atau menguji hipotesis serta data yang boleh diperolehi daripada kajian soal selidik, pemerhatian atau daripada bahan sekunder (Veal, 2017). Penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu isu yang belum atau kurang dikaji. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh responden. Di samping itu, responden bebas dan tidak terikat untuk menyatakan pendapat mereka untuk menjawab setiap item yang dikemukakan dalam borang

soal selidik berkenaan (Mohamad Majid, 2000). Sehubungan dengan itu, kajian ini melibatkan 93 orang responden yang dipilih secara rawak dalam kalangan pelancong wanita sahaja. Bilangan responden ini adalah memadai kerana fokus kajian hanya kepada satu gender sahaja. Kajian ini penting sebagai tinjauan awalan. Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik. Menurut Krosnick dan Presser (2010), soal selidik adalah tunjang bagi sesebuah kajian kerana melalui soal selidik, pengkaji membentuk sampel, memilih dan menjalankan temu bual, kerja berkomputer dan kerja persediaan lain yang melibatkan pengkaji dan responden. Selain itu, soal selidik dibentuk daripada sebahagian pandangan yang berkaitan kajian dan berbentuk deskriptif (Eiselen et al., 2005).

Kawasan Kajian

Kawasan kajian adalah di Kota Kinabalu, Sabah di koordinat 5°58'17''N 116°05'43''E dengan keluasan 136 batu persegi (351 km²). Kota Kinabalu merupakan ibu negeri Sabah yang terletak di Malaysia Timur. Kota Kinabalu merupakan pusat pentadbiran negeri yang terletak di pantai barat Sabah. Pada 2 Februari 2000, Kota Kinabalu diisytiharkan sebagai bandaraya keenam di Malaysia. Keluasannya merangkumi 350.70 kilometer persegi dengan bilangan penduduk melebihi 437,500 orang. Kota Kinabalu terkenal sebagai pintu masuk pelancong yang melawat Sabah. Antara tarikan utama di bandaraya Kota Kinabalu adalah beberapa pusat membeli-belah (*mall*) seperti Imago, Suria Sabah, Oceanus Waterfront Mall dan Centre Point. Tarikan pelancongan yang lain termasuklah Taman Tunku Abdul Rahman, Pasar Filipina, Menara Tun Mustapha, Muzium Sabah, Perdana Park dan pantai Tanjung Aru.

Dapatan Kajian

Profil Demografik Responden

Dari segi kategori responden, majoriti adalah pelancong wanita domestik, iaitu 79 orang (84.9%) dan selebihnya seramai 14 orang (15.1%) adalah pelancong asing. Kebanyakan responden berumur dalam lingkungan 21 – 30 tahun dan 31 – 40 tahun, iaitu masing-masing dengan seramai 33 orang (35.5%) dan 30 orang (32.3%). Seterusnya, lebih separuh daripada responden yang ditemu bual adalah berbangsa Melayu, iaitu 51 orang (54.8%) dan 20 orang (21.5%) bumiputera Sabah dan Sarawak. Dari segi status perkahwinan, seramai 49 orang (52.7%) adalah bujang, 41 orang (44.1%) sudah berkahwin dan bakinya seramai 3 orang (3.2%) berstatus janda atau balu.

Selain itu, majoriti responden memiliki latar belakang pendidikan di peringkat tinggi seperti universiti dan kolej, iaitu 73 orang (78.5%). Manakala yang berpendidikan menengah seramai 19 orang (20.4%) dan selebihnya, satu orang responden (1.1%) bersekolah di peringkat rendah sahaja. Dari segi latar belakang pekerjaan pula, seramai 35 orang (37.7%) adalah bekerja sebagai penjawat awam, 19 orang (20.4%) sebagai penjawat swasta dan enam orang (6.4%) bekerja sendiri. Selain itu, seramai 17 orang responden adalah pelajar, sembilan orang suri rumah, enam orang sebagai usahawan, empat orang bekerja sendiri dan tiga orang pesara (Jadual 1).

Jadual 1: Profil Demografik Responden

Ciri Demografik	Kriteria	Frekuensi	Peratus (%)
Kategori	Pelancong domestik	79	84.9
	Pelancong asing	14	15.1
Umur	20 tahun dan ke bawah	9	9.7
	21 – 30 tahun	33	35.5
	31 – 40 tahun	30	32.3
	41 – 50 tahun	15	16.1
	50 tahun dan ke atas	6	6.4
Bangsa	Melayu	51	54.8
	Cina	4	5.4
	India	3	3.2
	Bumiputera Sabah	14	15.1
	Bumiputera Sarawak	6	6.4
	Lain-lain bangsa	14	15.1
Status Perkahwinan	Bujang	49	52.7
	Berkahwin	41	44.1
	Balu / Janda	3	3.2
Pendidikan	Tinggi	73	78.5
	Menengah	19	20.4
	Rendah	1	1.1
Pekerjaan	Penjawat awam	35	37.7
	Penjawat swasta	19	20.4
	Peniaga / Usahawan	6	6.4
	Bekerja sendiri	4	4.3
	Pesara	3	3.2
	Suri rumah	9	9.7
	Pelajar	17	18.3

Ciri Kunjungan Responden

Terdapat beberapa ciri kunjungan responden seperti tujuan berkunjung, bentuk kunjungan, urusan perjalanan, kekerapan kunjungan dan tempoh masa menginap. Jadual 2 menunjukkan majoriti responden berkunjung ke bandaraya Kota Kinabalu untuk tujuan melancong atau bercuti, iaitu 56 orang (60.2%), diikuti dengan melawat saudara atau rakan seramai 12 orang (12.9%), urusan dan komitmen kerja seramai 11 orang (11.8%), urusan perniagaan seramai lima orang (5.4%) dan menghadiri kursus atau seminar seramai 9 orang responden (9.7%). Untuk bentuk kunjungan responden, seramai tujuh orang (7.5%) berkunjung secara bersendirian, 18 orang (19.4%) melancong ke bandaraya Kota Kinabalu secara berpasangan, 36 orang (38.7%) responden berkunjung secara berkumpulan dan 32 orang (34.4%) bercuti bersama keluarga.

Seterusnya, majoriti perjalanan percutian pelancong wanita ke bandaraya Kota Kinabalu adalah diurus secara persendirian, iaitu melibatkan 76 orang responden (81.7%). Manakala yang diurus oleh pihak syarikat atau jabatan adalah seramai 14 orang (15.1%) dan bakinya seramai tiga orang (3.2%) diurus oleh agen pelancongan. Dari segi kekerapan kunjungan, seramai 42 orang atau 45.2% adalah kunjungan buat pertama kali ke bandaraya Kota Kinabalu

dan seramai 35 orang (37.6%) melibatkan kunjungan ke-dua hingga lima kali. Kunjungan melebihi lima kali pula mencatatkan 16 orang responden (17.2%). Untuk tempoh lama menginap, lebih separuh daripada responden menginap dalam 3 hingga 4 hari, iaitu 50 orang (53.8%), diikuti yang menginap selama 5 hingga 6 hari seramai 16 orang (17.2%). Selain itu, terdapat 15 orang yang menginap hanya 1 hingga 2 hari yang melibatkan 15 orang responden (16.1%) dan selebihnya iaitu 12 orang (12.9%) bercuti di bandaraya Kota Kinabalu dalam tempoh tujuh hari atau lebih.

Jadual 2: Ciri Kunjungan Responden

Ciri Kunjungan	Kriteria	Frekuensi	Peratus (%)
Tujuan kunjungan	Melancong / bercuti	56	60.2
	Melawat saudara / rakan	12	12.9
	Urusan perniagaan	5	5.4
	Urusan kerja (selain niaga)	11	11.8
	Urusan kursus / seminar dll.	9	9.7
Bentuk kunjungan	Bersendirian	7	7.5
	Berpasangan	18	19.4
	Berkumpulan	36	38.7
	Bersama keluarga	32	34.4
Urusan perjalanan	Diurus secara persendirian	76	81.7
	Diurus oleh syarikat / jabatan	14	15.1
	Diurus oleh agen pelancongan	3	3.2
Kekerapan kunjungan	Kunjungan pertama kali	42	45.2
	Kunjungan ke-2 hingga 5 kali	35	37.6
	Kunjungan lebih 5 kali	16	17.2
Tempoh lama Menginap	1 hingga 2 hari	15	16.1
	3 hingga 4 hari	50	53.8
	5 hingga 6 hari	16	17.2
	7 hari dan lebih	12	12.9

Jenis Ancaman yang Menjadi Kebimbangan Pelancong Wanita

Jadual 3 menunjukkan jenis ancaman yang menjadi kebimbangan responden dalam kalangan pelancong wanita semasa bercuti di bandaraya Kota Kinabalu. Soalan ini memerlukan responden memilih tiga ancaman yang paling membimbangkan mereka daripada senarai pilihan ancaman yang disediakan. Dapatan kajian menunjukkan ancaman diragut atau dirompak adalah paling membimbangkan responden, iaitu melibatkan 74.2% (69 orang) manakala ancaman diculik dan dirogol masing-masing merekodkan 44.1% (41 orang). Ancaman lain adalah kemalangan (41.9%), bencana alam (36.6%), keracunan makanan (29.0%) dan penyakit (20.4%). Namun begitu, ancaman ditipu agen pelancongan dianggap tidak membimbangkan kerana hanya melibatkan 9 orang (9.7%) responden sahaja.

Jadual 3: Jenis Ancaman yang Membimbangkan Pelancong Wanita

Jenis Ancaman	Frekuensi	Peratus (%)
Ancaman diragut / dirompak	69	74.2
Ancaman diculik	41	44.1
Ancaman dirogol	41	44.1
Ancaman kemalangan	39	41.9
Ancaman bencana alam	34	36.6
Ancaman keracunan makanan	27	29.0
Ancaman penyakit	19	20.4
Ancaman ditipu agen pelancongan	9	9.7

Faktor yang Menyebabkan Ancaman Keselamatan Pelancong Wanita

Jadual 4 menunjukkan faktor yang menyebabkan ancaman berlaku kepada responden semasa percutian di bandaraya Kota Kinabalu. Untuk soalan ini, responden diminta memilih hanya satu faktor sahaja yang menyebabkan ancaman keselamatan boleh berlaku. Dapatan kajian menunjukkan faktor lokasi memberikan ancaman utama terhadap keselamatan pelancong wanita, iaitu 34.4 peratus (32 orang) diikuti dengan faktor kesesakan kawasan pelancongan iaitu 24.7 peratus (23 orang). Faktor lain adalah kekurangan pengawasan pihak berkuasa (19.4 peratus), kecuaiian pelancong itu sendiri (17.2) dan kekurangan kemudahan (4.3 peratus).

Jadual 4: Faktor yang Menyebabkan Ancaman Berlaku

Faktor Ancaman	Frekuensi	Peratus (%)
Faktor lokasi	32	34.4
Faktor kesesakan kawasan pelancongan	23	24.7
Faktor kekurangan pengawasan pihak berkuasa	18	19.4
Faktor kecuaiian pelancong itu sendiri	16	17.2
Faktor kekurangan kemudahan	4	4.3
Jumlah	93	100

Situasi Keselamatan Ketika Bercuti di Bandaraya Kota Kinabalu

Jadual 5 menunjukkan situasi keselamatan responden dalam kalangan pelancong wanita ketika melakukan percutian ke bandaraya Kota Kinabalu. Jawapan responden adalah berdasarkan skala likert, iaitu 1 = sangat tidak selamat, 2 = tidak selamat, 3 = neutral, 4 = selamat dan 5 = sangat selamat mengikut tujuh situasi yang ditetapkan. Untuk tafsiran skor min, kajian ini menggunakan kaedah yang dikemukakan oleh Alias (1999). Jadual 5 menunjukkan lima skala skor min, iaitu skala sangat rendah (1.000 hingga 1.80), rendah (1.81 hingga 2.60), sederhana (2.60 hingga 3.40), tinggi (3.41 hingga 4.20) dan skala sangat tinggi (4.21 hingga 5.00). Skala sangat rendah menunjukkan responden berasa sangat tidak selamat, skala rendah menunjukkan tidak selamat, skala sederhana menunjukkan responden neutral terhadap situasi berkenaan,

skala tinggi menunjukkan responden merasa selamat dan skala sangat tinggi menunjukkan responden merasa sangat selamat untuk melancong bagi situasi yang dinyatakan.

Jadual 5: Tafsiran Skor Min

Julat	Tahap
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.42 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Alias (1999).

Dapatan kajian menunjukkan situasi kehadiran pegawai keselamatan atau polis yang bertugas di kawasan pelancongan mencatatkan skor min 'sangat tinggi', iaitu 4.22. Dengan kata lain, responden merasa sangat selamat dengan keadaan sebegini. Seterusnya, terdapat tiga situasi yang merekodkan skor min 'tinggi', iaitu berjalan di kawasan tumpuan pelancong semasa hari siang (3.92), perasaan keseluruhan terhadap kawasan pelancongan dikunjungi (3.72) dan semasa berurus niaga dengan peniaga di kawasan pelancongan (3.57). Manakala terdapat dua situasi yang mencatatkan skor min 'sederhana', iaitu menggunakan kenderaan awam menuju atau dari kawasan berkenaan (3.24) dan semasa berada di kawasan sesak seperti pasar malam (2.65). Namun begitu, terdapat suatu keadaan yang dianggap sangat tidak selamat, iaitu berjalan di kawasan tumpuan pelancong semasa hari malam (2.72). Situasi ini menunjukkan waktu malam mewujudkan rasa tidak selamat kepada responden untuk berkunjung di bandaraya Kota Kinabalu (Jadual 6).

Jadual 6: Situasi Keselamatan Ketika Melancong di Bandaraya Kota Kinabalu

Situasi Keselamatan	Min	Tahap
Kehadiran pegawai keselamatan / polis yang bertugas di kawasan pelancongan	4.22	ST
Berjalan di kawasan pelancongan (tumpuan pelancong) semasa hari siang	3.92	T
Perasaan keseluruhan terhadap kawasan pelancongan yang dilawati	3.72	T
Semasa berurus niaga dengan peniaga di kawasan pelancongan	3.57	T
Menggunakan kenderaan awam menuju atau dari kawasan berkenaan	3.24	S
Semasa berada di kawasan sesak seperti pasar malam	2.65	S

Berjalan di kawasan pelancongan (tumpuan pelancong) semasa hari malam	2.58	R
-----------------------------------------------------------------------	------	---

ST = Sangat Tinggi, T = Tinggi, S = Sederhana, R = Rendah

Kesedaran Pelancong Wanita Terhadap Keselamatan Ketika Melancong di Bandaraya Kota Kinabalu

Jadual 7 menunjukkan pernyataan tentang kesedaran pelancong wanita terhadap keselamatan ketika melancong ke bandaraya Kota Kinabalu. Jawapan responden adalah berdasarkan skala likert, iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = neutral, 4 = setuju dan 5 = sangat setuju mengikut sembilan situasi yang ditetapkan.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat satu pernyataan yang merekodkan skor min 'sangat tinggi' terhadap kesedaran pelancong wanita berkenaan dengan situasi yang dikaji, iaitu "saya lebih mementingkan keselamatan semasa melancong di tempat baharu" dengan min 4.32. Selain itu, terdapat hanya satu pernyataan yang mencatatkan skor min 'tinggi', iaitu "saya berasa takut apabila didekati oleh peminta sedekah (sama ada kanak-kanak atau orang tua) semasa bercuti di Kota Kinabalu" dengan min 3.44. Dapatan kajian ini menunjukkan kebanyakan pernyataan tentang kesedaran pelancong wanita semasa bercuti di bandar merekodkan skor min 'sederhana' sahaja, iaitu "saya berasa bimbang untuk datang ke Kota Kinabalu apabila mendengar atau membaca berita tentang jenayah penculikan yang berlaku di negeri ini" - min 3.23, "saya berasa bimbang untuk membeli-belah di kawasan jalanan" (3.15), "saya berasa bimbang untuk datang ke Kota Kinabalu selepas kejadian gempa bumi yang berlaku di Sabah baru-baru ini" (3.11), "saya berasa bimbang untuk datang ke Kota Kinabalu selepas peristiwa Tanduo" (3.10) dan "saya yakin bahawa tiada aktiviti jenayah melibatkan pelancongan wanita semasa bercuti di Kota Kinabalu" (3.06). Namun demikian, terdapat dua pernyataan kesedaran pelancong wanita yang mencatatkan skor min 'rendah', iaitu "saya pernah mengalami gangguan keselamatan semasa melancong" (2.48) dan "saya lebih selesa melancong seorang diri berbanding secara berkumpulan" (2.35).

Jadual 7: Kesedaran Pelancong Wanita Terhadap Aspek Keselamatan Ketika Melancong di Bandaraya Kota Kinabalu

Pernyataan	Min	Skala
Saya lebih mementingkan keselamatan semasa melancong di tempat baharu.	4.32	ST
Saya berasa takut apabila didekati oleh peminta sedekah (sama ada kanak-kanak atau orang tua) semasa bercuti di Kota Kinabalu.	3.44	T
Saya berasa bimbang untuk datang ke Kota Kinabalu apabila mendengar atau membaca berita tentang jenayah penculikan yang berlaku di negeri ini.	3.23	S
Saya berasa bimbang untuk membeli-belah di kawasan jalanan.	3.15	S

Saya berasa bimbang untuk datang ke Kota Kinabalu selepas kejadian gempa bumi yang berlaku di Sabah baru-baru ini.	3.11	S
Saya berasa bimbang untuk datang ke Kota Kinabalu selepas peristiwa Tanduo	3.10	S
Saya yakin bahawa tiada aktiviti jenayah melibatkan pelancongan wanita semasa semasa bercuti di Kota Kinabalu.	3.06	S
Saya pernah mengalami gangguan keselamatan semasa melancong.	2.48	R
Saya lebih selesa melancong seorang diri berbanding secara berkumpulan.	2.35	R

ST = Sangat Tinggi, T = Tinggi, S = Sederhana, R = Rendah

Perbincangan

Dapatan kajian tentang ancaman dan kesedaran pelancong wanita terhadap aspek keselamatan semasa percutian di Kota Kinabalu boleh dibincangkan dalam empat aspek, iaitu jenis ancaman, faktor ancaman, situasi keselamatan dan kesedaran terhadap aspek keselamatan. Terdapat tiga jenis ancaman yang dibimbangi oleh pelancong wanita semasa bercuti di sesebuah bandar, iaitu diragut atau dirompak, diculik dan dirogol. Penemuan kajian ini memiliki persamaan dengan dapatan kajian Skogan dan Klecka (1977) iaitu kejadian jenayah adalah ancaman yang paling menakutkan bagi wanita. Walaupun terdapat beberapa ancaman yang lain, ancaman jenayah seperti diragut atau dirompak dianggap sebagai ancaman yang paling membimbangkan responden wanita. Meskipun kajian ini menunjukkan ancaman ditipu agen pelancongan adalah paling tidak membimbangkan bagi responden, namun insiden ditipu agen pelancongan adalah satu ancaman yang semakin kerap berlaku di Malaysia. Menurut sumber Berita Harian (2015), hampir 20,000 orang menjadi mangsa sindiket agen pelancongan. Hal ini menunjukkan ancaman ditipu agen pelancongan adalah salah satu ancaman yang semakin membimbangkan dan perlu diberikan perhatian yang sewajarnya.

Sehubungan dengan itu, terdapat dua faktor yang menyebabkan ancaman keselamatan wanita semasa melancong, iaitu faktir lokasi dan kesesakan kawasan pelancongan. Milman dan Bach (1999) menegaskan beberapa kawasan geografi mempunyai tanggapan keselamatan berbeza kepada pelancong. Perkara ini menunjukkan faktor geografi yang melibatkan lokasi destinasi pelancongan menyebabkan ancaman itu berlaku. Pelancong tidak akan memilih kawasan yang dianggap tidak selamat untuk dikunjungi. Menurut Kaya dan Kubat (2007), ketakutan seseorang wanita lebih berkait dengan konfigurasi ruang berbanding dengan jenayah itu sendiri. Justeru ruang dan lokasi sesuatu kawasan didapati membawa kepada faktor ancaman keselamatan itu berlaku. Pada kebiasaannya, ketakutan seseorang lebih terarah kepada kawasan yang mempunyai kriteria yang tidak menyenangkan. Hal ini disebabkan oleh setiap lokasi ruang adalah unik dipengaruhi oleh persekitaran sosial, ekonomi dan budaya yang mengisi ruang tersebut. Dengan kata lain, lokasi memberi kesan terhadap faktor yang menyebabkan ancaman keselamatan berlaku.

Seterusnya, situasi keselamatan adalah paling tinggi apabila adanya pegawai keselamatan atau polis yang membuat rondaan di kawasan tumpuan pelancong. Melalui kajian yang dilakukan oleh Ahmad Fitri et al. (2014), kehadiran polis di kawasan pelancongan menimbulkan rasa selamat kepada pengunjung terutamanya pelancong wanita. Namun pada masa yang sama, situasi yang melibatkan rondaan sedemikian akan timbul persoalan negatif kepada pelancong iaitu tahap keselamatan di kawasan berkenaan. Selain itu, pelancong berasa selamat untuk mengunjungi kawasan pelancongan pada siang hari membawa penemuan yang sama dengan hasil kajian Ahmad Fitri et al. (2014) iaitu pelancong wanita hampir 99 peratus menyatakan rasa selamat ketika berjalan di kawasan pelancongan pada hari siang. Selain itu, waktu dan masa memainkan peranan penting dalam menentukan keselamatan pelancong wanita. Kajian yang dilakukan oleh Focas (1989) menunjukkan wanita menghadapi perasaan yang lebih takut semasa waktu malam semasa perjalanan atas keselamatan diri. Perkara ini menunjukkan persamaan dengan hasil kajian ini iaitu pelancong wanita lebih berasa takut untuk berjalan di kawasan pelancongan pada waktu malam. Menurut Focas (1989), pengangkutan dan keselamatan adalah penting bagi seseorang wanita untuk mendapatkan satu perjalanan yang aman. Sistem pengangkutan awam mesti menjurus ke arah keperluan mereka. Hal ini menunjukkan pengangkutan awam merupakan elemen keselamatan yang penting bagi pelancong wanita bagi memastikan rasa selamat ketika melancong di Kota Kinabalu.

Untuk kesedaran pelancong wanita didapati mereka lebih mementingkan keselamatan semasa melancong di tempat yang baharu. Penemuan ini menunjukkan persamaan dalam kajian yang dilakukan oleh Astrop (1996), iaitu dalam sesuatu perjalanan didapati wanita berbeza dengan lelaki, wanita lebih jelas meletakkan keselamatan peribadi dalam senarai perjalanan mereka. Perkara ini menunjukkan wanita lebih mementingkan keselamatan diri semasa perjalanan atau melancong dan meletakkan keselamatan sebagai keutamaan yang tertinggi. Menurut teori Maslow, keselamatan merupakan keperluan kedua dalam hidup manusia. Selain itu, pelancong biasanya dijadikan sasaran oleh peminta sedekah sama ada kanak-kanak atau orang tua. Dalam kajian Ahmad Fitri et al. (2014) menunjukkan pelancong sebagai sasaran mereka untuk mendapatkan hasil. Peminta sedekah didapati mampu mengancam keselamatan pelancong. Kehadiran golongan peminta sedekah ini agak ramai terutamanya di kawasan Pasar Filipina, Pasar Malam Sinsuran dan Pasar Ikan Masin. Peminta sedekah ini biasanya kanak-kanak dan orang tua. Mereka akan mencuit pelancong atau pelawat di kawasan tersebut untuk meminta sedekah dan tidak berganjak sehingga diberikan wang (Siti Nurul Asyikin, 2015). Situasi yang berlaku ini menyebabkan pelancong berasa tidak selamat dan terganggu.

Kesimpulan

Pelancong wanita yang berkunjung ke sesebuah destinasi percutian didapati memiliki kesedaran terhadap pelbagai ancaman dan aspek keselamatan yang perlu diberikan perhatian semasa melancong. Secara umumnya, mereka adalah kumpulan pelancong yang sebenarnya memiliki ciri-ciri yang mampu menjana pendapatan di satu-satu destinasi percutian kerana mereka lebih cenderung membelanjakan wang untuk aktiviti membeli-belah, makan minum, tempat penginapan yang lebih selesa dan selamat, malah ruang keliaran dan pergerakan mereka lebih pelbagai dan meluas. Justeru, pihak pemegang taruh serta penyedia perkhidmatan perlu memberikan perhatian yang khusus terhadap strategi penambahbaikan aspek keselamatan yang menjadi faktor kebimbangan pelancong wanita semasa bercuti di destinasi pelancongan. Dalam konteks limitasi, kajian ini lebih tertumpu kepada pelancong domestik berbanding pelancong asing. Selain itu, tidak ada pengkategorian yang jelas terhadap kepelbagaian lokasi yang dituju oleh mereka di bandaraya Kota Kinabalu, sebaliknya meneliti dalam konteks ruang keliaran

pelancong secara umum sahaja. Justeru, hasil kajian ini tidak dapat memberikan input terhadap jenis ancaman keselamatan untuk lokasi yang berbeza. Untuk cadangan kajian pada masa hadapan diharapkan lompong isu kajian ini akan dapat ditangani agar dapat memberikan gambaran yang lebih holistik terhadap aspek ancaman dan kebimbangan pelancong wanita ketika melancong di satu-satu bandar besar seperti Kota Kinabalu, Sabah.

Rujukan

- Ahmad Fitri Amir, Mohd Noor Ismawi Ismail & Toh Poh See. (2014). Sustainable tourist environment: Perception of international women travelers on safety and security in Kuala Lumpur. Asia Pacific International Conference on Environment – Behaviour Studies. Sirius Business Park Berlin-yard Field, Berlin, 24-26 February 2014. Universiti Teknologi Malaysia: Shah Alam.
- Alias Baba. (1999). Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anichiti, A., Dragolea, L. L., Tacu Hârsan, G.D., Haller, A.P. & Butnaru, G.I. (2021). Aspects regarding safety and security in hotels: Romanian experience. *Information*, 12,44, 1-22.
- Astrop, A. (1996). Urban travel behavior and constraints of low-income households and females in Pune, India. Proceedings from the Second National Conference on Women's Travel Issues, Baltimore, October 1996. Washington, D.C.: Federal Highway Administration.
- Atkins, S. (1989). Women travel and personal. *Transportation Journal*, 12(2), 17-45.
- Berita Harian. (2015). Ranau, Sabah Dilanda Gempa Bumi 6.0 Richter.
- Bigne, J. E. & Andreu, L. (2004). Cognitive-affective model of leisure and tourism services satisfaction (In Spanish). *Econ Manage Notebooks*, 21,89-120.
- Carr, N. (2001). An exploratory study of gendered differences in young tourists' perception of danger within London. *Tourism Management*, 22, 565-570.
- Chauhan, A. S. A. & Negi, P. (2018). Safety and security measures adopted by the hotels and their impact on customer relationship management. *International Journal of Research-Granthaalayah*, 6, 118-125.
- Chiao, L. Y. & Nair, V. (2013). Tourism safety, security and risk: Towards a conceptual framework. Proceedings of the 3rd Regional Conference on Tourism Research, 29-31 Oct, 2013, Langkawi, Malaysia. School of Hospitality, Tourism and Culinary Arts, Taylor's University, Malaysia.
- Cho, M. & Jang, S. (2008). Information value structure for vacation travel. *Journal of Travel Research*, 47, 72-82.
- Collier, P. F. (1994). Safety. New York: Encyclopedia Collier's Incorporated.
- Eiselen, R., Uys, T. & Potgieter, N. (2005). *Analysing Survey Data Using SPSS13: A Workbook*. University of Johannesburg.
- Focas, C. (1989). A survey of women's travel needs in London. *Journal of Transportation*, 23(6), 449-510.
- Global Report on Women on Tourism. (2021) Second Edition. UNWTO, UN Women, World Bank Group, Amadeus & BMZ, World Tourism Organization (UNWTO).
- Greenberg, M. S. & R. B. Ruback (1992). *After the Crime: Victim Decision Making*. New York: Plenum.
- Hofstede, G. & Hofstede, G. J. (2005). *Cultures and Organizations: Software of the Mind*. New York: McGraw-Hill.

- Holcomb, J. & Pizam, A. (2006). Do incidents of theft at tourist destinations have a negative effect on tourists' decisions to travel to affected destinations? In Mansfeld, Y. & Pizam, A. *Tourism, Security and Safety: From Theory to Practice*. UK: Elsevier Butterworth-Heinemann.
- International Tourism Forum. (2018), *Women's Safety and Security: A Public Transport Priority*, OECD Publishing, Paris.
- Kaya, B. & Kubat, A. S. (2007). Space and Fear of Crime Relation in Urban Green Areas Study: Macka Demokrasi Park. 6th International Space Syntax Symposium.
- Krosnick, J. A. & Presser, S. (2010). *Question and Questionnaire Design in Handbook of Survey Research*, 2nd Edition. Emerald Group Publishing Limited.
- Kwon YG. (1999). *Industrial Safety Engineering*. Hyungsul, Seoul, Korea.
- Levinson, D. (2002). *Encyclopedia of Crime and Punishment*. Sage Publication.
- Lynch, G. & Atkins, S. (1988). The influence of personal security fears on women's travel pattern. *Transportation Research Journal*, 15, 257-277.
- Maser, B. & Weiermair, K. (1998). Travel decision-making: from the vantage point of perceived risk and information preferences, *Journal of Travel & Tourism Marketing*, 7(4): 107-121.
- Michalko, G. (2003). Tourism eclipsed by crime: The vulnerability of foreign tourists in Hungary. In Hall, C.M., Timothy, D.J. & Duvall, D.T. (Eds). *Safety and Security in Tourism: Relationships, Management and Marketing*. New York: Haworth Hospitality Press.
- Milman, A. & Bach, S. (1999). The impact of security devices on tourists' perceived safety: The Central Florida Example. *Journal of Hospitality and Tourism Research*, 23(4), 371-386.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nagaj, R. & Žuromskaite, B. (2020). Security measure as a factor in the competitiveness of accommodation facilities. *Journal of Risk and Financial Management*, 13(99), 1-16.
- Pearce, P. L. (1988). *The Ulysses Factor: Evaluating Visitors in Tourist Settings*. New York: Springer.
- Pizam, A. & Mansfeld, Y. (2006). Toward a theory of tourism security. In Mansfeld, Y. & Pizam, A. (eds.). *Tourism, Security and Safety: From Theory to Practice*. Burlington, MA: Butterworth-Heinemann.
- Reisinger, Y. & Mavondo, F. (2005). Travel Anxiety and intentions to travel internationally: Implications of travel risk perception. *Journal of Travel Research*, 43, 212-225.
- Rohana Sham, Norhayati Omar & Dia Widyawati Amat. (2012). Hot spot urban crime area for woman travellers. *ASIA Pacific International Conference on Environment-Behaviour Studies*. Mercure Le Sphinx Cairo Hotel, Giza, Egypt, 31 October 2 November 2012.
- Sausmarez, N. (2007). Crisis management, tourism and sustainability: The role of indicators. *J. Sustain. Tour.*, 5, 700-714.
- Siti Nurul Asyikin Che Mat. (2015). Ciri-ciri dan tahap kepuasan pelancong domestik terhadap sektor informal di bandar raya Kota Kinabalu, Sabah. *Latihan Ilmiah*. Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan UMS.
- Skogan, W. H. & Klecka, W. R. (1997). *The Fear of Crime*. Washington. D. C.: American Political Science Association.
- Veal, A. J. (2017). *Research Methods for Leisure and Tourism: A Practical Guide*. Harlow, England: Prentice Hall.
- World Tourism Organization. (1991). *Recommendations for Tourism Safety*. Madrid: WTO.

- World Tourism Organization. (2019). International Tourism Highlights. 2019 edition. Madrid: UNWTO.
- Žuromskaite, B. & Nagaj, R. (2018). Cultural tourism facilities in the context of the increased risk of terrorism: Young tourists from Lithuania and security measures. *Turyzm*, 28, 85-91.